Isi Kandungan

Mukadimah

إِنَّ الحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ[1].

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ ﴾[2]

{ *Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.* }

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ وَخَلَقَ مِنۡهَا زَوۡجَهَا وَبَثَّ مِنۡهُمَا رِجَالٗا كَثِيرٗا وَنِسَآءٗۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِي تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلۡأَرۡحَامَۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ رَقِيبٗا ﴿١﴾ ﴾[3]

{ *Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah*

[1] Hadis sahih. *Kitab Sunan An-Nasa`ie*. Kitab Jumaat. Bab cara berkhutbah. Muka surat: 230. No. Hadis: 1404.
[2] Surah Ali-Imran. No. Surah: 3. No. Ayat: 102. Muka surat: 63.
[3] Surah An-Nisa`. No. Surah: 4. No Ayat: 1. Muka surat: 77.

hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu. }

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوۡلٗا سَدِيدٗا ﴿٧٠﴾ يُصۡلِحۡ لَكُمۡ أَعۡمَٰلَكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدۡ فَازَ فَوۡزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾ ﴾[1]

{ *Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara). Supaya Ia memberi taufik dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.* }

فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَرَّ الأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ[2]

"Sesungguhnya sebaik-baik perkataan itu adalah kitab Allah dan sebaik-baik petunjuk itu adalah petunjuk Muhammad ﷺ dan seburuk-buruk perkara itu adalah perkara yang baru dan setiap perkara yang baru itu adalah bidaah (rekaan di dalam agama) dan setiap bidaah itu adalah sesat dan setiap kesesatan itu Nerakalah tempatnya."

أَمَّا بَعْدُ...

Sesungguhnya kita adalah makhluk yang telah diciptakan dengan penuh kesempurnaan oleh yang bergelar *Khalik* (Allah), yang mana tidaklah penciptaanNya yang begitu hebat ini dicipta dengan sia-sia tanpa sebarang hikmah.

[1] Surah Al-Ahzab. No. Surah: 33. No. Ayat: 70-71. Muka surat: 427.
[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab solat Jumaat. Bab meninggikan suara ketika berkhutbah dan apa yang disebut padanya. Muka surat: 392. No. Hadis: 2002.

قال الله تعالى :

﴿أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَـٰكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾﴾[1]

{ *"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmah pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"* }

قال الله تعالى :

﴿أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَـٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾﴾[2]

{ *Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan)?* }

Jadi apakah hikmah dan tujuan kita diciptakan? Apakah yang *Khalik* inginkan daripada penciptaan kita? Apakah tugas sebenar kita ke muka bumi ini? Adakah semata-mata untuk hidup, beranak pinak dan berakhir dengan kematian? Untuk menjawab persoalan-persoalan ini, kita tidak akan temui segala jawapannya di dalam mana-mana agama di dunia ini melainkan agama yang dibawa oleh Muhammad ﷺ ; Islam. Jawapan yang jelas melalui firman Allah ﷻ :

قال الله تعالى :

﴿وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾﴾[3]

{Dan *(ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.*}

Maka inilah tugas asasi kita dilahirkan ke muka bumi ini, tiada yang lainnya hanyalah menghambakan diri kepada yang Maha Pencipta melalui ibadah kepadaNya dengan ikhlas tanpa menyekutukanNya sama

[1] Surah Al-Mukminun. No. Surah: 23. No. Ayat: 115. Muka surat: 349.
[2] Surah Al-Qiamah. No. Surah: 75. No. Ayat: 36. Muka surat: 578.
[3] Surah AZ-Zariat. No. Surah:51. No. Ayat: 56. Muka surat: 523.

ada dari segi *Rububiyyah* (mengesakan Allah pada perbuatanNya seperti penciptaan, pentadbiran, pemberian rezeki dan sebagainya), *Uluhiyyah* (mengesakan Allah pada setiap amalan kita seperti solat, doa, nazar, tawasul, sembelihan korban dan sebagainya) dan *Asma' wa Sifat* (mengesakan Allah pada nama-nama serta sifat-sifatNya). Di antara ibadah utama yang harus kita menyempurnakannya mengikut kehendak Maha Pencipta ialah SOLAT, kerana ianya adalah suatu kewajipan, juga sebagai tiang agama dan perkara pertama yang akan dihisab pada hari perhitungan yang agung nanti.

قال الله تعالى :

﴿...إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَـٰبًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾﴾[1]

{ *Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.* }

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ.

– رواه النسائي[2]

Daripada Abdullah bin Buraidah daripada ayahnya ؓ berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Perjanjian di antara kita (Muslim) dan mereka (kafir) ialah solat, barang siapa meninggalkannya maka dia telah kufur."
- Riwayat An-Nasa`ie.

Dalam pada kita ingin menyempurnakan segala ibadah yang diamalkan juga mengharapkan agar ianya diterima oleh Allah ﷻ sebagai satu amalan yang dapat menyelamatkan kita di akhirat kelak, para ulama telah meletakkan garis panduan atau pun syarat-syarat untuk diterimanya setiap amal ibadah kita ini dengan tiga syarat utama yang wajib kita menyempurnakannya terlebih dahulu:-

[1] Surah An-Nisa`. No. Surah: 4. No. Ayat: 103. Muka surat: 95.
[2] Hadis sahih. Kitab *Sunan An-Nasa`ie*. Kitab solat. Bab hukum orang yang meninggalkan solat. Muka surat: 80. No. Hadis: 463.

1. **Pertama: Iman:-**
Kerana Allah ﷻ tidak akan menerima segala amalan dari seseorang melainkan pengamalnya itu seorang yang Mukmin. Oleh yang demikian itu Allah ﷻ tidak akan memberi ganjaran kepada orang-orang kafir terhadap apa yang diamalkannya kerana mereka tidak pun berniat dengan amalan-amalan mereka itu untuk mendapat keredaan Allah ﷻ .

قال الله تعالى :

﴿ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَعۡمَٰلُهُمۡ كَسَرَابِۭ بِقِيعَةٖ يَحۡسَبُهُ ٱلظَّمۡـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَهُۥ لَمۡ يَجِدۡهُ شَيۡـٔٗا وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ٣٩ ﴾[1]

{ *Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah menyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah amat segera hitungan hisabNya.* }

2. **Kedua: Ikhlas:-**
Allah ﷻ juga tidak menerima amalan serta ibadah daripada seseorang itu melainkan ianya dilakukan dengan penuh ikhlas kerana Allah ﷻ.

قال الله تعالى :

﴿ قُلۡ إِنِّيٓ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ ٱللَّهَ مُخۡلِصٗا لَّهُ ٱلدِّينَ ١١ ﴾[2]

---

[1] Surah An-Nuur. No. Surah: 24. No. Ayat: 39. Muka surat: 355.
[2] Surah Az-Zumar. No. Surah: 39. No. Ayat: 11. Muka surat: 460.

{ *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat kepadaNya;* }

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنَا أَغْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشِّرْكِ مَنْ عَمِلَ عَمَلاً أَشْرَكَ فِيهِ مَعِي غَيْرِي تَرَكْتُهُ وَشِرْكَهُ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Abu Hurairah ﷺ telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: Allah ﷻ telah berfirman (di dalam hadis kudsi): "Aku adalah Maha Kaya daripada sekutu-sekutu. Barang siapa beramal serta menyekutukan Aku dalam amalannya itu dengan selain daripada-Ku, akan Ku tinggalkan amalannya dan penyekutuannya itu."
- Riwayat Muslim

3. **Ketiga: Mengikuti Al-Quran dan Sunnah:-**
Sesungguhnya ibadah yang diterima itu ialah yang selaras dan bertepatan dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ daripada Tuhannya, kerana ibadah untuk Allah ﷻ tidak akan dikira sah dan diterima melainkan dengan menuruti apa yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan Sunnah bukan dengan cara mereka-reka atau menokok tambah apa yang telah disempurnakan oleh Allah.

قال الله تعالى :

﴿ ... ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ ... ﴾[2]

---

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-9. Kitab Zuhud. Bab barang siapa syirik pada amalannya dengan selain Allah. Muka surat: 316. No. Hadis: 7400.
[2] Surah Al-Ma`idah. No. Surah: 5. No. Ayat: 3. Muka surat: 107.

{ ... pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu ... }

Barang siapa yang beribadah dengan apa yang tidak disyariatkan kepadanya maka ibadahnya itu akan tertolak, kerana ianya tidak menuruti perintah Tuhannya.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Aisyah -رضي الله عنها- telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Barang siapa melakukan perkara yang baru di dalam urusan kami (agama kami) ini, apa yang tiada daripadanya maka amalannya itu akan tertolak.”
- Riwayat Muslim

Syeikh Islam Ibnu Taimiyyah r.h telah berkata: “Agama Islam ini telah terbina di atas dua unsur” :-

a. Pertama: kita tidak beribadah selain kepada Allah ﷻ.

b. Kedua: kita tidak beribadah kepada Allah ﷻ selain daripada apa yang telah disyariatkan kepada kita.

Berdasarkan kepada syarat ketiga inilah, saya merasa terpanggil untuk menyediakan buku kecil saya yang daif ini bertajuk:

“Dalil-dalil Solat Daripada *Tahrim* (Takbiratulihram) Sehingga *Tahlil* (Salam)”

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-6. Kitab hukum. Bab membatalkan hukum yang batil... Muka surat: 55. No. Hadis: 4467

Kerana solat kita tidak akan sempurna melainkan kita benar-benar telah mengikuti apa yang dikehendaki oleh Allah dan RasulNya yang mana kita tidak akan mengetahui bagaimana cara beribadah sebenar yang dikehendaki, melainkan dengan kita mendapatkannya melalui dalil-dalil daripada Al-Quran dan Sunnah yang sahih daripada Rasulullah ﷺ.

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي.

– رواه البخاري[1]

Daripada Malik bin Huairith ﵁ telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat.”
- Riwayat Bukhari

Saya juga telah beriltizam dalam menyediakan buku kecil ini untuk tidak sekali-kali mengambil sebarang hadis yang daif (lemah hukumnya di sisi ilmu hadis) lebih-lebih lagi hadis yang maudu’ (yang direka-reka), kerana kita tidak dapat memastikan bahawa hadis yang daif itu benar-benar datangnya daripada Rasulullah ﷺ, apatah lagi hadis yang mauduk, kerana ianya telah jelas mendusta ke atas Rasulullah ﷺ.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Abu Hurairah ﵁ telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Barang siapa mendustai ku dengan sengaja, maka dia telah menempah tempatnya di Neraka.”
- Riwayat Muslim

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab azan bagi orang yang musafir... Muka surat 146. No. Hadis: 631.
[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-1. Kitab mukadimah Imam Muslim. Bab larangan keras mendustai Rasulullah ﷺ. Muka surat: 27. No. Hadis: 2.

Saya telah berusaha mendapatkan dalil-dalil dari kitab sahih Bukhari dan juga sahih Muslim, ini kerana kedua-dua kitab ini adalah kitab yang paling sahih selepas Al-Quran, sekiranya saya tidak mendapati dari keduanya barulah saya merujuk kitab-kitab sunan (kitab hadis yang disusun mengikut bab-bab fikah) yang lainnya. Saya juga beriltizam agar setiap hadis yang dibawakan, akan saya nyatakan sumber-sumber asalnya seperti dari kitab *Sunan Sittah* (enam buah kitab hadis yang masyhur) iaitu Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan at-Tirmizi, Sunan an-Nasa`ie dan Sunan Ibnu Majah, juga dijelaskan tahap kesahihan setiap hadis tersebut melainkan hadis-hadis yang diambil dari Bukhari dan Muslim.

Saya juga berusaha mendatangkan hadis-hadis yang menepati mazhab Syafi`e, kerana ingin menepati kehendak masyarakat Malaysia yang majoritinya bermazhab Syafi`e dan apabila saya tidak mendapati hadis yang menyokong mazhab Syafi`e, saya akan mendatangkan juga hadis-hadis yang bertentangan dengan amalan-amalan yang dilakukan dalam mazhab Syafi`e, kerana mengamalkan prinsip Imam Syafi`e r.h. yang masyhur :

قال الإمام الشافعي رحمه الله : "إذا صحّ الحديث فهو مذهبي."

Imam Syafi`e r.h telah berkata: *“Apabila telah sahih sesuatu hadis, maka itulah mazhab ku.”*

قال الإمام مالك رحمه الله: "ليس أحد إلا ويؤخذ من قوله ويترك إلا النبي ﷺ."

Imam Malik -رحمه الله- telah berkata: “Tiada seorang pun melainkan diambil dan ditolak kata-katanya kecuali Nabi ﷺ .”

Ucapan *jazakumuLlah khairan* (ucapan terima kasih) kepada U.P.P (Unit Penterjemahan dan Penyelidikan, PERMAYA) yang diketuai oleh Ustaz Adli bin Mohd. Saad, yang mana beliau sendiri telah meluangkan masa menyunting buku kecil ini yang turut dibantu oleh Ustaz Tazlie Sham bin Abdul Rahman dan Ustaz Imran bin Selamat. Tak lupa juga kepada ikhwah yang sama-sama membantu saya, seperti ‘*Sahibul komputer’* dan yang lain-lain.

Akhir sekali, saya mengharapkan kajian ini dapat memberi faedah kepada ummah, khususnya ahli keluarga saya sendiri, sahabat-sahabat serta mereka yang ingin mencari sumber dan dalil setiap amalan dan ibadah mereka. Moga-moga dengan amalan yang sedikit ini dapat menghalang saya dari azab api neraka serta mendapat keredaan dari Allah *Azza wa Jalla. WaLlahu A`lam.*

Abu Hasyim,
Syed Mohd Azwan bin Syed Yahya
Sana`a, Yaman Al-Iman wal-Hikmah
Khamis, 19 Rabiulawal 1426H
Bersamaan 28 April 2005M.
Unit Penyelidikan dan
Penterjemahan (UPP),
PERMAYA.

DALIL WUDUK

{1} قال الله تعالى :

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغْسِلُواْ وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى ٱلْمَرَافِقِ وَٱمْسَحُواْ بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى ٱلْكَعْبَيْنِۚ وَإِن كُنتُمْ جُنُبًا فَٱطَّهَّرُواْۚ وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ تَجِدُواْ مَآءً فَتَيَمَّمُواْ صَعِيدًا طَيِّبًا فَٱمْسَحُواْ بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُم مِّنْهُۚ مَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلَٰكِن يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ۝٦ ﴾[1]

{ *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh (berjimak dengan) perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (menyucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.* }

[1] Surah Al-Ma'idah. No. Surah: 5. No. Ayat: 6. Muka surat: 108.

[1] عَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي الطَّالِب رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مِفْتَاحُ الصَّلاَةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ.

– رواه الترمذي[1]

Daripada Ali bin Abu Talib ﵁ daripada Nabi ﷺ telah bersabda: "Pembuka kepada solat itu ialah kesucian dan yang mengharamkannya [yakni daripada melakukan perkara-perkara lain] ialah takbir dan yang merungkaikannya ialah salam."
- Riwayat At-Tirmizi

1. Syarat wuduk untuk solat

[2] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ تُقْبَلُ صَلاَةُ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Abu Hurairah ﵁ telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Tidak akan diterima solat seseorang kamu apabila dia berhadas sehinggalah dia berwuduk semula."
- Riwayat Muslim

2. Bersugi (sunat)

[3] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ لَوْلاَ أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلاَةٍ

– رواه مسلم[3]

[1] Hadis hasan sahih. Kitab *Sunan At-Tirmizi*. Kitab bersuci. Bab bersuci adalah kunci solat. Muka surat: 12. No. Hadis: 3.
[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab bersuci. Bab wajibnya bersuci untuk solat. Muka surat: 99. No. Hadis: 536
[3] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab bersuci. Bab bersugi. Muka surat: 135. No. Hadis: 588.

Daripada Abu Hurairah ﷺ daripada Nabi ﷺ telah bersabda: "Sekiranyalah tidak menjadi keberatan ke atas umat ku nescaya akan ku perintahkan mereka bersugi ketika setiap kali solat."
- Riwayat Muslim

3. Niat (wajib)

{2} قال الله تعالى :

﴿ وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُواْ ٱلزَّكَوٰةَۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلۡقَيِّمَةِ ۝ ﴾[1]

{ *Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar.* }

[4] عن عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوِ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Umar ibnu Khattab ﷺ berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya amalan-amalan itu adalah bergantung kepada niat dan sesungguhnya setiap orang akan mendapatkan apa yang ia niatkan. Barang siapa berhijrah kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya (akan diterima) sebagai hijrah kerana Allah dan RasulNya dan barang siapa

[1] Surah Al-Bayyinah. No. Surah: 98. No. Ayat: 5. Muka surat: 598.

[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-7. Kitab Jihad. Bab sabda Nabi ﷺ: "Sesungguhnya amal itu dengan niat…". Muka surat: 55. No. Hadis: 4904

berhijrah kerana dunia yang ia cari atau perempuan yang ia ingin menikahinya maka ia akan mendapat apa yang ia tuju itu."
- Riwayat Muslim

4. Cara-cara berwuduk (wajib & sunat)

[5] عَنْ حُمْرَانَ مَوْلَى عُثْمَانَ قَالَ أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ دَعَا بِوَضُوءٍ فَتَوَضَّأَ فَغَسَلَ كَفَّيْهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ مَضْمَضَ وَاسْتَنْثَرَ ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُمْنَى إِلَى الْمِرْفَقِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُسْرَى مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ مَسَحَ رَأْسَهُ ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى إِلَى الْكَعْبَيْنِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ غَسَلَ الْيُسْرَى مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ثُمَّ قَامَ فَرَكَعَ رَكْعَتَيْنِ لاَ يُحَدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Humran hamba kepada Usman ﷺ telah berkata: Sesungguhnya Usman bin `Affan ﷺ telah meminta air untuk bersuci, lalu beliau berwuduk. Dibasuhnya kedua tapak tangannya tiga kali kemudian beliau berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung, kemudian membasuh mukanya sebanyak tiga kali kemudian membasuh tangan kanannya hingga ke siku sebanyak tiga kali begitu juga tangan kirinya kemudian menyapu kepalanya kemudian membasuh kaki kanannya sebanyak tiga kali begitu juga dengan kaki kirinya, lalu beliau berkata: Aku telah melihat Rasulullah ﷺ mengambil wuduk seperti wuduk ku ini kemudian baginda bersabda: "Barang siapa berwuduk seperti wuduk ku ini kemudian dia bangun dan menunaikan solat dua rakaat sedang dia tidak berkata-kata dalam dirinya ketika solat tersebut, nescaya diampunkan segala dosa-dosanya yang terdahulu." - Riwayat Muslim

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab bersuci. Bab sifat wuduk dan kesempurnaannya. Muka surat: 100. No. Hadis: 537

Dalil Solat

{3} قال الله تعالى :

﴿ الٓمٓ ۝١ ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ۝٢ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ۝٣ ﴾[1]

{ *Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.* }

{4} قال الله تعالى :

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسۡتَعِينُواْ بِٱلصَّبۡرِ وَٱلصَّلَوٰةِۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ۝١٥٣ ﴾[2]

{ *Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar* }

{5} قال الله تعالى :

﴿ ...إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتۡ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ كِتَٰبٗا مَّوۡقُوتٗا ۝١٠٣ ﴾[3]

{ …*Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.* }

[1] Surah Al-Baqarah. No. Surah: 2. No. Ayat: 1-3. Muka surat: 2.
[2] Surah Al-Baqarah. No. Surah: 2. No. Ayat: 153. Muka surat: 23.
[3] Sila lihat muka surat: 6. Nota kaki: 1

[6] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَدَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَدَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ السَّلَامَ وَقَالَ: ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ فَرَجَعَ الرَّجُلُ فَصَلَّى كَمَا كَانَ صَلَّى ثُمَّ جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَعَلَيْكَ السَّلَامُ ثُمَّ قَالَ: ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ حَتَّى فَعَلَ ذَلِكَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ فَقَالَ الرَّجُلُ وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ مَا أُحْسِنُ غَيْرَ هَذَا فَعَلِّمْنِي قَالَ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا. وَفِي رواية: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَأَسْبِغِ الْوُضُوءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ.

– رواه البخاري[1]

Daripada Abu Hurairah ﵁ bahawa Rasulullah ﷺ telah masuk ke masjid kemudian masuk seorang lelaki lalu bersolat (selepas selesai daripada solat) lelaki itu datang kepada Nabi ﷺ dan memberi salam kepada Nabi ﷺ lalu baginda menjawab salam tersebut dan bersabda: “Pergilah semula dan solat, kerana kamu belum solat.” Maka lelaki tersebut pergi semula dan solat sebagaimana dia telah solat kemudian dia datang kepada Nabi ﷺ dan memberi salam kepada Baginda, lalu Rasulullah ﷺ bersabda: “Wa`alaikas-salam” kemudian Baginda bersabda: “Pergilah semula dan solat, kerana kamu belum solat” sehinggalah ia melakukannya tiga kali lalu berkata lelaki tersebut: Demi Allah yang mengutus mu dengan kebenaran! Tidaklah mampu aku bersolat terbaik selain daripada ini maka ajarkanlah aku. Lalu baginda bersabda: “Apabila kamu berdiri untuk bersolat maka bertakbirlah kemudian bacalah ayat-ayat dari Al-Quran yang kamu hafal, kemudian ruku`lah sehingga kamu tenang dalam keadaan ruku’, kemudian bangkit sehingga kamu tegak dalam keadaan berdiri, kemudian sujudlah sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud, kemudian bangkitlah sehingga kamu tenang dalam keadaan duduk, kemudian sujudlah

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab wajib bacaan kepada imam dan makmum… Muka surat 306. No. Hadis: 757.

sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud, kemudian lakukanlah yang demikian itu di dalam solat mu seluruhnya." Dan dalam sebahagian riwayat: "Apabila kamu ingin mendirikan solat maka sempurnakanlah wuduk kemudian menghadap kiblat dan bertakbirlah."
- Riwayat Al-Bukhari

1. Suci anggota tubuh badan, pakaian dan tempat (syarat)

{-} قال الله تعالى :

﴿ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ وَإِن كُنتُمۡ جُنُبٗا فَٱطَّهَّرُواْ... ﴿٦﴾ ﴾[1]

{ Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib;.... }

{6} قال الله تعالى :

﴿ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ﴿٤﴾ ﴾[2]

{ *Dan pakaian mu, maka hendaklah engkau bersihkan.* }

[1] Sila lihat muka surat: 13. nota kaki: 1.
[2] Surah Al-Muddasir. No. Surah: 74. No. Ayat: 4. Muka surat: 575.

2. Menutup aurat dengan pakaian yang suci (syarat)

{7} قال الله تعالى :

﴿ ۞ يَـٰبَنِيٓ ءَادَمَ خُذُواْ زِينَتَكُمۡ عِندَ كُلِّ مَسۡجِدٖ وَكُلُواْ وَٱشۡرَبُواْ وَلَا تُسۡرِفُوٓاْۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ﴿٣١﴾ ﴾[1]

{ Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. }

[7] عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ تُقْبَلُ صَلاَةُ الْحَائِضِ إِلاَّ بِخِمَارٍ

– رواه الترمذي[2]

Daripada Aisyah - رضي الله عنها - telah berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Tidak diterima solat seorang perempuan yang telah baligh melainkan ia memakai tudung kepala."
- Riwayat At-Tirmizi

3. Mengetahui masuknya waktu (syarat)

{-} قال الله تعالى

﴿ ...إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتۡ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ كِتَٰبٗا مَّوۡقُوتٗا ﴿١٠٣﴾ ﴾[3]

{ .... Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya. }

[1] Surah Al-A`raf. No. Surah: 7. No. Ayat: 31. Muka surat: 154.
[2] Hadis hasan di sisi At-Tirmizi, sahih di sisi Al-Albani. Kitab *Sunan At-Tirmizi*. Kitab waktu-waktu solat. Bab tidak diterima solat perempuan yang telah baligh... Muka surat: 102. No. Hadis: 377.
[3] Sila lihat muka surat: 6. nota kaki: 1.

4. Menghadap kiblat (syarat)

{8} قال الله تعالى :

﴿ قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي ٱلسَّمَآءِ ۖ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَىٰهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنتُمْ فَوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ ۗ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّهِمْ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾ ﴾[1]

{ Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling menghadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah muka mu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan. }

[-] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثِ المُسِيءِ صَلاَتَهُ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلاَةِ فَأَسْبِغِ الْوُضُوءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ.

– رواه البخاري[2]

Daripada Abu Hurairah ﷺ telah berkata Rasulullah ﷺ telah bersabda dalam hadis orang yang tidak sempurna solatnya: "Apabila kamu ingin mendirikan solat maka sempurnakanlah wuduk kemudian menghadap kiblat dan bertakbirlah."
- Riwayat Al-Bukhari

[1] Surah Al-Baqarah. No. Surah: 2. No. Ayat: 144. Muka surat: 22.
[2] Lihat muka surat: 18. nota kaki: 1.

5. Niat (rukun)

{-} قال الله تعالى :

﴿ وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾ ﴾[1]

{ Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar. **}**

[-] عن عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوِ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Umar ibnu Khattab ﷺ berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya amalan-amalan itu adalah bergantung kepada niat dan sesungguhnya setiap orang akan mendapatkan apa yang ia niatkan. Barang siapa berhijrah kerana Allah dan RasulNya maka hijrahnya (akan diterima) sebagai hijrah kerana Allah dan RasulNya dan barang siapa berhijrah kerana dunia yang ia cari atau perempuan yang ia ingin menikahinya maka ia akan mendapat apa yang ia tuju itu."
- Riwayat Muslim

[1] Sila lihat muka surat: 15. Nota kaki: 1.
[2] Sila lihat muka surat: 15. nota kaki: 2.

6. Berdiri bagi siapa yang mampu (rukun)

[8] عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ: صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ.

– رواه البخاري[١]

Daripada `Imran bin Hushain ﷺ telah berkata: Aku telah terkena penyakit buasir. Lalu aku bertanya Rasulullah ﷺ tentang (bagaimana cara untuk aku) solat. Lalu baginda bersabda: "Solatlah dalam keadaan engkau berdiri, sekiranya tak mampu, maka sambil duduk, sekiranya tak mampu juga maka solatlah dalam keadaan engkau berbaring."
- Riwayat Al-Bukhari

7. Lafaz Takbiratulihram (rukun)

[-] عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ.

– رواه الترمذي[٢]

Daripada Ali ﷺ daripada Nabi ﷺ telah bersabda: "Pembuka kepada solat itu ialah kesucian dan yang pengharamannya [yakni daripada melakukan perkara-perkara lain] ialah takbir dan yang merungkaikannya ialah salam."
- Riwayat At-Tirmizi

[9] عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَفْتِحُ الصَّلَاةَ بِالتَّكْبِيرِ...

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab memendekkan solat. Bab apabila tidak mampu sambil duduk maka sambil berbaring. Muka surat 758. No. Hadis: 1117.
[2] Sila lihat muka surat: 14. nota kaki: 1

– رواه مسلم[١]

Daripada Aisyah -رضي الله عنها- telah berkata: "Rasulullah ﷺ memulakan solatnya dengan takbir…."
- Riwayat Muslim

8. Mengangkat tangan ketika takbir (sunat)

[10] أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْتَتَحَ التَّكْبِيرَ فِي الصَّلَاةِ فَرَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ يُكَبِّرُ حَتَّى يَجْعَلَهُمَا حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ...

– رواه البخاري[٢]

Sesungguhnya Abdullah ibnu Umar - رضي الله عنهما - telah berkata: "Aku telah melihat Nabi ﷺ memulakan solatnya dengan takbir seraya mengangkat tangannya hingga ke paras bahu ketika Baginda bertakbir…"
- Riwayat Al-Bukhari

9. Meletakkan tangan kanan di atas lengan kiri (sunat)

[11] عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ النَّاسُ يُؤْمَرُونَ أَنْ يَضَعَ الرَّجُلُ الْيَدَ الْيُمْنَى عَلَى ذِرَاعِهِ الْيُسْرَى فِي الصَّلَاةِ.

– رواه البخاري[٣]

Daripada Sahl bin Sa`d ﷺ telah berkata: "Para sahabat telah diperintah meletakkan tangan kanan di atas lengan kiri mereka ketika solat."
- Riwayat Al-Bukhari

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab apa yang dikumpulkan dari sifat-sifat solat… Muka surat 438. No. Hadis: 1110.
[2] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab ke arah mana diangkat tangannya?.. Muka surat 286. No Hadis: 738.
[3] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab meletakkan tangan kanan di atas lengan kiri. Muka surat 290. No. hadis: 740.

10. Doa iftitah (sunat)

[12] عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلاَةِ قَالَ: وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ ظَلَمْتُ نَفْسِي وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعًا إِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ وَاهْدِنِي لأَحْسَنِ الأَخْلاَقِ لاَ يَهْدِي لأَحْسَنِهَا إِلاَّ أَنْتَ وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لاَ يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلاَّ أَنْتَ لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ...

– رواه مسلم[1]

Daripada Ali bin Abi Talib ؓ, daripada Rasulullah ﷺ bahawasanya apabila Baginda berdiri untuk solat, Baginda berkata: “Aku menghadapkan wajah-ku terhadap Allah yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi dalam keadaan agama yang suci dan tidaklah aku daripada kalangan orang yang menyekutukan Allah. Sesungguhnya solat-ku, ibadah-ku, hidup-ku dan mati-ku hanyalah untuk Allah tuhan sekalian alam yang tiada sekutu bagiNya. Maka dengan itulah aku diperintah dan aku terdiri daripada kalangan orang-orang Muslim. Ya Allah! Engkaulah (Raja) yang memiliki, tiada tuhan melainkan Engkau. Engkaulah Tuhan-ku dan akulah hamba-Mu. Aku telah menzalimi diri-ku dan aku mengakui segala dosa-dosa-ku. Ampunilah segala dosa-dosa-ku, sesungguhnya tiadalah yang mengampuni dosa melainkan Engkau. Dan berilah daku petunjuk kepada sebaik-baik akhlak (kerana) tiadalah yang memberi petunjuk kepada sebaik-baik akhlak melainkan Engkau. Dan bersihkanlah dari-ku segala kejahatan akhlak (kerana) tiadalah yang membersihkannya melainkan Engkau.

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab Solat musafir. Bab doa pada solat malam. Muka surat 299. No. Hadis: 1809.

Aku menyahut seruan-Mu ya Allah! Dengan penuh kegembiraan. Segala kebaikan itu di tangan-Mu dan segala kejahatan itu tiadalah disandarkan kepada Mu, aku datang dari Mu dan akan kembali kepada Mu. Maha Suci Engkau dan Maha Tinggi Engkau aku memohon ampun dan taubat daripada Mu”…
- Riwayat Muslim

[13] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْكُتُ بَيْنَ التَّكْبِيرِ وَبَيْنَ الْقِرَاءَةِ إِسْكَاتَةً فَقُلْتُ بِأَبِي وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ إِسْكَاتُكَ بَيْنَ التَّكْبِيرِ وَالْقِرَاءَةِ مَا تَقُولُ قَالَ: أَقُولُ اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ اللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ اللَّهُمَّ اغْسِلْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ

– رواه البخاري[1]

Daripada Abu Hurairah ؓ telah berkata: “Rasulullah ﷺ apabila mengangkat takbir untuk solat Baginda diam seketika sebelum membaca Al-Fatihah, lalu aku bertanya: ‘Demi kedua ibu bapa-ku sanggup-ku korbankan kerana engkau ya Rasulullah!’ Aku melihat engkau diam di antara takbir dan bacaan Al-Fatihah, apakah yang engkau katakan?” Baginda bersabda: “Aku menyebut: Ya Allah! Jauhkanlah daku dari dosa-dosa-ku sebagaimana Engkau jauhkan di antara timur dan barat. Ya Allah! Lunturkan dosa-dosa-ku dari-ku sebagaimana dilunturkan kotoran dari pakaian putih. Ya Allah! Bersihkanlah segala dosa-dosa-ku dengan air, salji dan ais.”
- Riwayat Al-Bukhari

11. Al-Fatihah (rukun)

[14] عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لاَ صَلاَةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab apakah yang disebutkan selepas takbir. Muka surat 290. No. Hadis: 744.

– رواه البخاري[1]

Daripada `Ubadah bin As-Somit ﷺ sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Tidak (sah) solat bagi orang yang tidak membaca Al-Fatihah."
- Riwayat Al-Bukhari

[15] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا أَمَّنَ الإِمَامُ فَأَمِّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينُهُ تَأْمِينَ الْمَلاَئِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Abu Hurairah ﷺ sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Apabila imam mengucapkan *amin* maka hendaklah kamu mengucapkan *amin* juga kerana sesungguhnya barang siapa yang sebutan *amin*-nya serentak dengan sebutan *amin* para malaikat maka akan diampunkan apa yang terdahulu daripada dosa-dosanya."
- Riwayat Muslim

12. Bacaan surah (sunat)

[16] عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ فِي الأُولَيَيْنِ بِأُمِّ الْكِتَابِ وَسُورَتَيْنِ وَفِي الرَّكْعَتَيْنِ الأُخْرَيَيْنِ بِأُمِّ الْكِتَابِ وَيُسْمِعُنَا الآيَةَ وَيُطَوِّلُ فِي الرَّكْعَةِ الأُولَى مَا لاَ يُطَوِّلُ فِي الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ وَهَكَذَا فِي الْعَصْرِ وَهَكَذَا فِي الصُّبْحِ.

– رواه البخاري[3]

Daripada Abdullah bin Abu Qotadah daripada ayahnya - رضي الله عنهما -: Sesungguhnya Nabi ﷺ membaca di dalam solat Zuhur

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab wajib bacaan kepada imam dan makmum… Muka surat 306. No. Hadis: 756.
[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab Tasmi', Tahmid dan Ta`min. Muka surat 350. No. Hadis: 914.
[3] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab bacaan dalam dua rakaat akhir dengan Ummul-kitab. Muka surat 337. No. Hadis: 776.

pada dua rakaat pertama dengan Al-Fatihah berserta surah dengannya dan di dalam dua rakaat akhir pula dengan Ummul-kitab dan kadang-kadang Baginda mendengarkan bacaannya dan kebiasaannya Baginda memanjangkan bacaannya pada rakaat pertama dan tidak pada rakaat kedua dan begitulah yang dilakukannya pada solat Asar dan begitu juga pada solat Subuh.
- Riwayat Al-Bukhari

13. Takbir *intiqal*[1] (sunat)

[17] عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ يُصَلِّي بِهِمْ فَيُكَبِّرُ كُلَّمَا خَفَضَ وَرَفَعَ فَإِذَا انْصَرَفَ قَالَ إِنِّي لأَشْبَهُكُمْ صَلاَةً بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

– رواه البخاري[2]

Daripada Abu Salamah daripada Abu Hurairah ﷺ sesungguhnya beliau telah solat dengan mereka lalu beliau bertakbir setiap kali tunduk dan bangun dan apabila beliau selesai dari solatnya lalu beliau berkata: "Sesungguhnya aku adalah orang yang paling menyampaikan solatnya di kalangan kamu dengan solat Rasulullah ﷺ."
- Riwayat Bukhari

14. Ruku` dan tamakninah padanya (rukun)

[-] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثِ المُسِيءِ صَلاَتَهُ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلاَةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنْ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا... – رواه البخاري[3]

[1] mengucapkan lafaz takbir pada setiap kali berpindah daripada satu rukun kepada rukun yang lain.
[2] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab menyempurnakan takbir pada ruku`. Muka surat 348. No. Hadis: 785
[3] Lihat muka surat: 18. nota kaki: 1.

Daripada Abu Hurairah ؓ telah berkata Rasulullah ﷺ telah bersabda dalam hadis orang yang tidak sempurna solatnya: "Apabila kamu bangun untuk bersolat maka bertakbirlah kemudian bacalah ayat-ayat dari Al-Quran yang kamu hafal, kemudian ruku`lah sehingga kamu tenang dalam keadaan ruku`..."
- Riwayat Al-Bukhari

15. Cara ruku` (sunat)

[18] ... قَالَ أَبُو حُمَيْدٍ السَّاعِدِيُّ أَنَا كُنْتُ أَحْفَظَكُمْ لِصَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَيْتُهُ إِذَا كَبَّرَ جَعَلَ يَدَيْهِ حِذَاءَ مَنْكِبَيْهِ وَإِذَا رَكَعَ أَمْكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ ثُمَّ هَصَرَ ظَهْرَهُ . – رواه البخاري[1]

Daripada Abu humaid As-Sa`idi ؓ telah berkata: "aku adalah orang yang paling mengingati daripada kamu tentang solat Rasulullah ﷺ! Aku telah melihat Baginda apabila mengangkat takbir, Baginda mengangkat tangan separas bahunya dan apabila ruku` Baginda meletakkan kedua tangannya di atas kedua lututnya kemudian Baginda membongkokkan belakangnya".
- Riwayat Muslim

16. Zikir ketika ruku` (sunat)

[19] عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَافْتَتَحَ الْبَقَرَةَ فَقُلْتُ يَرْكَعُ عِنْدَ الْمِائَةِ ثُمَّ مَضَى فَقُلْتُ يُصَلِّي بِهَا فِي رَكْعَةٍ فَمَضَى فَقُلْتُ يَرْكَعُ بِهَا ثُمَّ افْتَتَحَ النِّسَاءَ فَقَرَأَهَا ثُمَّ افْتَتَحَ آلَ عِمْرَانَ فَقَرَأَهَا يَقْرَأُ مُتَرَاسِلًا إِذَا مَرَّ بِآيَةٍ فِيهَا تَسْبِيحٌ سَبَّحَ وَإِذَا مَرَّ بِسُؤَالٍ سَأَلَ وَإِذَا مَرَّ بِتَعَوُّذٍ تَعَوَّذَ ثُمَّ رَكَعَ **فَجَعَلَ يَقُولُ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ** فَكَانَ رُكُوعُهُ نَحْوًا مِنْ قِيَامِهِ ثُمَّ قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab sunnah duduk ketika tasyahhud. Muka surat 394. No. Hadis: 828.

ثُمَّ قَامَ طَوِيلًا قَرِيبًا مِمَّا رَكَعَ ثُمَّ سَجَدَ فَقَالَ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى فَكَانَ سُجُودُهُ قَرِيبًا مِنْ قِيَامِهِ...
– رواه مسلم[1]

Daripada Huzaifah ؓ telah berkata: "Aku telah solat dengan Nabi ﷺ pada suatu malam, lalu Baginda memulakan bacaannya dengan surah Al-Baqarah. Aku berkata (di dalam hati ku) mungkin Baginda akan ruku` selepas seratus ayat kemudian berlalu. Aku berkata (di dalam hati ku) mungkin Baginda akan membaca surah Al-Baqarah dalam satu rakaat kemudian berlalu dan aku berkata (di dalam hati ku) mungkin Baginda akan ruku` selepas selesai surah Al-Baqarah. Kemudian Baginda memulakan dengan surah An-Nisa` lalu membacanya kemudian Baginda memulakan pula dengan surah Ali-`Imran dan terus membacanya, baginda membacanya dengan perlahan-lahan apabila Baginda melalui ayat-ayat yang ada padanya tasbih Baginda akan bertasbih dan apabila melalui ayat-ayat yang padanya permintaan Baginda akan meminta dan apabila melalui ayat-ayat yang padanya memohon perlindungan Baginda akan memohon perlindungan. Kemudian Baginda ruku` **dan mula membaca: "Maha Suci Tuhan ku yang maha agung"** dan adalah ruku` Baginda lamanya seperti berdirinya. Kemudian Baginda menyebut "Allah ﷻ telah mendengar pujian orang yang memuji", kemudian Baginda berdiri lama hampir dengan lamanya pada ruku`. Kemudian Baginda sujud dan baginda menyebut "Maha suci Tuhan ku yang maha tinggi", dan adalah lama sujudnya hampir dengan berdirinya...
- Riwayat Muslim

[20] عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي رُكُوعِهِ وَسُجُودِهِ: سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي.

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab Solat musafir. Bab mustahab panjangkan bacaan dalam solat malam. Muka surat 303. No. Hadis: 1811.

– رواه البخاري[1]

Daripada Aisyah - رضي الله عنها - telah berkata: Nabi ﷺ sentiasa menyebut di dalam ruku` dan sujud Baginda: "Maha Suci Engkau ya Allah! Ya Tuhan kami! Dan dengan kepujian kepada Engkau ya Allah! Ampunilah daku."
- Riwayat Al-Bukhari

17. Iktidal dan tamakninah padanya (rukun)

[-] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثِ مُسِيءِ صَلَاتَهُ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنْ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا **ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا**... – رواه البخاري[2]

Daripada Abu Hurairah ؓ telah berkata Rasulullah ﷺ telah bersabda di dalam hadis orang yang tidak sempurna solatnya: "Apabila kamu bangun untuk bersolat maka bertakbirlah kemudian bacalah ayat-ayat dari Al-Quran yang kamu hafal, kemudian ruku`lah sehingga kamu tenang dalam keadaan ruku', **kemudian bangkit sehingga kamu tegak dalam keadaan berdiri…"**
- Riwayat Al-Bukhari

18. Zikir ketika Iktidal (sunat)

[21] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا قَالَ الإِمَامُ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَقُولُوا اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ قَوْلُهُ قَوْلَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ. – رواه البخاري[3]

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab doa ketika ruku`. Muka surat 364. No. Hadis: 794.
[2] Lihat muka surat: 18. nota kaki: 1.
[3] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab kelebihan doa "ya Allah ya tuhan kami bagi engkaulah segala kepujian". Muka surat 366. No. Hadis: 796.

Daripada Abu Hurairah ؓ bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Apabila berkata imam: "Allah ﷻ telah mendengar pujian orang yang memuji" maka hendaklah kamu berkata, "Ya Allah! Ya Tuhan kami hanya bagi Engkaulah segala kepujian itu" kerana barang siapa yang serentak sebutannya dengan sebutan malaikat nescaya akan diampunilah segala apa yang terdahulu dari dosa-dosanya."
- Riwayat Bukhari

[22] عَنِ ابْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا رَفَعَ ظَهْرَهُ مِنَ الرُّكُوعِ قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءُ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءُ الأَرْضِ وَمِلْءُ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ.
– رواه مسلم[1]

Daripada Ibnu Abi Aufa ؓ telah berkata: "Apabila Rasulullah ﷺ mengangkat tubuh Baginda dari ruku` Baginda akan menyebut "Allah telah mendengar pujian orang yang memuji ya Allah! Ya Tuhan kami! Hanya bagi Engkau segala kepujian yang memenuhi langit dan bumi dan memenuhi segala apa yang Engkau kehendaki selepas yang demikian itu."
- Riwayat Muslim

[23] عَنْ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ الزُّرَقِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنَّا يَوْمًا نُصَلِّي وَرَاءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرَّكْعَةِ قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ قَالَ رَجُلٌ وَرَاءَهُ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ: مَنِ الْمُتَكَلِّمُ قَالَ أَنَا قَالَ: رَأَيْتُ بِضْعَةً وَثَلَاثِينَ مَلَكًا يَبْتَدِرُونَهَا أَيُّهُمْ يَكْتُبُهَا أَوَّلُ.
– رواه البخاري[2]

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab apa yang disebut apabila bangkit dari ruku`. Muka surat 415. No. Hadis: 1067.
[2] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab azan. Bab dari bab kelebihan doa - "Ya Allah! Ya Tuhan kami bagi Engkaulah segala kepujian". Muka surat 367. No. Hadis: 799.

Daripada Rifa`ah bin Rafi` Al-Zuraqi ؓ telah berkata: “Pada suatu hari kami telah solat di belakang Nabi ﷺ tatkala Baginda mengangkat kepalanya dari ruku` lalu Baginda menyebut “Allah telah mendengar pujian orang yang memuji”, lalu berkata seorang lelaki di belakang Baginda : “Ya Tuhan kami dan hanya bagi Engkaulah segala puji kepujian yang banyak, baik dan yang berkat padanya”, setelah selesai solat Rasulullah ﷺ bersabda: “Siapakah yang berkata-kata tadi?” Lalu menjawab lelaki tersebut: “Saya. Ya Rasulullah!” Lalu Baginda bersabda: “Sesungguhnya aku telah melihat seramai tiga puluh lebih malaikat telah berlumba-lumba untuk siapakah yang pertama dapat menulisnya.” - Riwayat Bukhari

19. Sujud dan tamakninah padanya (rukun)

[-] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثِ مُسِيءِ صَلَاتَهُ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا **ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا** ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا **ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا...**

– رواه البخاري[١]

Daripada Abu Hurairah ؓ telah berkata Rasulullah ﷺ telah bersabda dalam hadis orang yang tidak sempurna solatnya: “Apabila kamu bangun untuk bersolat maka bertakbirlah kemudian bacalah ayat-ayat dari Al-Quran yang kamu hafal, kemudian ruku`lah sehingga kamu tenang dalam keadaan ruku’, kemudian bangkit sehingga kamu tegak dalam keadaan berdiri, **kemudian sujudlah sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud**, kemudian bangkitlah sehingga kamu tenang dalam keadaan duduk, **kemudian sujudlah sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud**...”
- Riwayat Al-Bukhari

[1] Lihat muka surat: 18. nota kaki: 1.

20. Sujud di atas tujuh anggota

[24] عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْضَاءٍ عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَتَيْنِ وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ...

– رواه البخاري[١]

Daripada Ibnu Abbas - رضي الله عنهما - telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: “ Aku telah diperintahkan supaya sujud di atas tujuh anggota; di atas dahi dan Baginda menunjukkan dengan tangan Baginda ke arah hidung, kedua tangan, dua lutut dan kedua hujung kaki...
- Riwayat Al-Bukhari

21. Zikir & Doa ketika sujud (sunat)

[-] عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ فِي حَدِيثِ صَلَاةِ اللَّيْلِ: ثُمَّ سَجَدَ رَسُولُ الله صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى فَكَانَ سُجُودُهُ قَرِيبًا مِنْ قِيَامِهِ...

– رواه مسلم[٢]

Daripada Huzaifah ؓ telah berkata dalam hadis solat malam: “Kemudian Baginda sujud dan menyebut “Maha Suci Tuhan ku yang Maha Tinggi” dan adalah sujudnya hampir dengan lama berdirinya...”
- Riwayat Muslim

[-] عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي رُكُوعِهِ وَسُجُودِهِ: سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي.

– رواه البخاري[٣]

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab sujud di atas hidung. Muka surat 385. No. Hadis: 812.
[2] Lihat muka surat: 30. nota kaki: 1.
[3] Lihat muka surat: 30. nota kaki: 1.

Daripada Aisyah - رضي الله عنها - telah berkata: "Nabi ﷺ sentiasa berkata di dalam ruku` dan sujud Baginda: "Maha Suci Engkau Ya Allah! Ya Tuhan kami dan dengan kepujian kepada Engkau ya Allah ampunilah daku."
- Riwayat Al-Bukhari

[25] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Abu Hurairah ﷺ sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Sehampir-hampir keadaan seseorang hamba dari Tuhannya adalah ketika dia sujud maka perbanyakan doa."
- Riwayat Muslim

22. Duduk di antara dua sujud dan tamakninah padanya (rukun)

[-] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثِ مُسِيءِ صَلاتَهُ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلاَةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا **ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِساً**...

– رواه البخاري[2]

Daripada Abu Hurairah ﷺ telah berkata Rasulullah ﷺ telah bersabda dalam hadis orang yang tidak sempurna solatnya: "Apabila kamu bangun untuk bersolat maka bertakbirlah kemudian bacalah ayat-ayat dari Al-Quran yang kamu hafal, kemudian ruku`lah sehingga kamu tenang dalam keadaan ruku`, kemudian bangkit sehingga kamu tegak dalam keadaan berdiri, kemudian sujudlah sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud,

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab apa yang disebut ketika ruku` dan sujud. Muka surat 423. No. Hadis: 1083.
[2] Lihat muka surat: 18. nota kaki: 1.

kemudian bangkitlah sehingga kamu tenang dalam keadaan duduk..."
- Riwayat Al-Bukhari

23. Doa ketika duduk di antara dua sujud (sunat)

[26] عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي.

– رواه ترمذي[1]

Daripada Ibnu `Abbas - رضي الله عنهما - sesungguhnya Nabi ﷺ telah berkata ketika duduk di antara dua sujud: "Ya Allah! Ampunilah, rahmatilah, gagahilah daku, berilah daku petunjuk dan kurniakan daku rezeki."
- Riwayat At-Tirmizi

[27] عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ... كَانَ رَسُولُ الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ: رَبِّ اغْفِرْ لِي رَبِّ اغْفِرْ لِي.

– رواه النسائي[2]

Daripada Huzaifah ﷺ sesungguhnya beliau berkata: "...Rasulullah ﷺ sentiasa menyebut ketika duduk di antara dua sujud: "Ya Tuhan ku! Ampunilah daku Ya Tuhan ku! Ampunilah daku."
- Riwayat An-Nasa`ie

24. Duduk tasyahud awal (sunat)

[28] عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ التَّحِيَّةَ وَكَانَ يَفْرِشُ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَيَنْصِبُ رِجْلَهُ الْيُمْنَى.

[1] Hadis sahih. Kitab *Sunan At-Tirmizi*. Kitab waktu-waktu solat. Bab apa yang disebut di antara dua sujud. Muka surat: 79. No. Hadis: 284.
[2] Hadis sahih. Kitab *Sunan An-Nasa`ie*. Kitab Tathbiq. Bab doa di antara dua sujud. Muka surat: 187. No. Hadis: 1145.

– رواه مسلم[1]

Daripada Aisyah - رضي الله عنها - telah berkata: "Rasulullah ﷺ menyebut pada setiap dua rakaat *At-Tahiyyah* dan Baginda menghamparkan kaki kirinya dan mendirikan kaki kanannya." - Riwayat Muslim

25. Duduk tasyahud akhir (rukun)

[29] عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا قَعَدَ فِي التَّشَهُّدِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُمْنَى وَعَقَدَ ثَلاَثَةً وَخَمْسِينَ وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ. – رواه مسلم[2]

Daripada Ibnu Umar - رضي الله عنهما - sesungguhnya Rasulullah ﷺ apabila duduk untuk tasyahud, baginda meletakkan tangan kirinya di atas paha kirinya dan tangan kanannya di atas paha kanannya dan membentuk tangannya 'lima puluh tiga' (merapatkan ibu jari dengan jari tengah sehingga berbentuk bulat dan menggenggam jari yang lainnya) dan mengisyaratkan dengan jari telunjuknya. - Riwayat Muslim

26. Lafaz tasyahud akhir (rukun)

[30] عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُّدَ كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ فَكَانَ يَقُولُ: التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.

– رواه مسلم[3]

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab apa yang dikumpulkan dari sifat solat… Muka surat 438. No. Hadis: 1110.

[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab sifat duduk dalam solat… Muka surat 82. No. Hadis: 1310.

[3] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab tasyahud dalam solat. Muka surat 339. No. Hadis: 900.

Daripada Ibnu Abbas - رضي الله عنهما - sesungguhnya beliau berkata: "Rasulullah ﷺ mengajar kami *tasyahud* sebagaimana mengajar kami surah dari Al-Quran dan Baginda menyebut: "Salam sejahtera, berakah, selawat dan segala keelokan hanya kepada Allah ﷻ, salam sejahtera dan rahmat Allah dan berkatnya ke atas engkau wahai Nabi. Salam sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu utusan Allah."
- Riwayat Muslim

27. Selawat dan salam ke atas Nabi (rukun)

[31] عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَتَانَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ فِي مَجْلِسِ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ فَقَالَ لَهُ بَشِيرُ بْنُ سَعْدٍ أَمَرَنَا اللَّهُ تَعَالَى أَنْ نُصَلِّيَ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَكَيْفَ نُصَلِّي عَلَيْكَ قَالَ فَسَكَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى تَمَنَّيْنَا أَنَّهُ لَمْ يَسْأَلْهُ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُولُوا: اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Abu Mas`ud Al-Anshori ﷺ berkata: "Rasulullah ﷺ telah datang kepada kami ketika kami sedang duduk bersama Saad bin `Ubadah ﷺ dan berkatalah Basyir bin Sa`d ﷺ kepada Baginda: "Allah ﷻ telah memerintah kami supaya mengucapkan selawat ke atas engkau wahai Rasulullah! Jadi bagaimanakah caranya untuk kami berselawat?" Lalu Rasulullah ﷺ diam, sehingga kami merasakan lebih baik Basyir ﷺ tidak bertanyakan kepada Baginda. Kemudian barulah Baginda bersabda: "Katakanlah: "Ya Allah! Rahmatilah ke atas Muhammad dan ke

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-2. Kitab Solat. Bab selawat ke atas Nabi ﷺ selepas tasyahud. Muka surat 344. No. Hadis: 906.

atas ahli keluarga Baginda sebagaimana Engkau merahmati ahli keluarga Ibrahim dan berkatilah ke atas Muhammad dan ahli keluarga Baginda sebagaimana Engkau berkati ahli keluarga Ibrahim di alam ini sesungguhnya Engkaulah yang Maha Terpuji lagi Yang Maha Mulia."
- Riwayat Muslim

28. Doa sebelum salam (sunat)

[32] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Abu Hurairah ﵁ berkata: "Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Apabila seseorang kamu *bertasyahud* maka hendaklah dia memohon perlindungan dengan Allah daripada empat perkara, katakanlah: "Ya Allah! Aku berlindung dengan Mu daripada azab Neraka Jahanam, dari azab kubur, dari fitnah ketika hidup dan mati dan dari kejahatan fitnah Al-Masih Dajal."
- Riwayat Muslim

[33] عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِّمْنِي دُعَاءً أَدْعُو بِهِ فِي صَلاَتِي قَالَ قُلْ: اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي إِنَّك أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

– رواه البخاري[2]

Daripada Abu Bakar As-Siddiq ﵁ sesungguhnya beliau telah berkata kepada Rasulullah ﷺ: "Ajarkanlah kepada ku doa untuk

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab apa yang diminta perlindungan darinya di dalam solat. Muka surat 88. No. Hadis: 1324.
[2] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab doa sebelum salam. Muka surat 410. No. Hadis: 834.

aku berdoa dengannya dalam solat ku," maka baginda bersabda: "Katakanlah: Ya Allah! Sesungguhnya aku telah menzalimi diri ku dengan kezaliman yang banyak dan tiadalah yang mengampuni dosa melainkan Engkau maka ampunilah daku dengan pengampunan daripada Mu dan rahmatilah daku sesungguhnya Engkaulah Maha Pengampun dan Maha Pemberi Rahmat."
- Riwayat Bukhari

[34] عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلاَةِ ... يَكُونُ مِنْ آخِرِ مَا يَقُولُ بَيْنَ التَّشَهُّدِ وَالتَّسْلِيمِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ وَمَا أَسْرَفْتُ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Ali bin Abi Talib ﵁ Rasulullah ﷺ apabila berdiri untuk solat, … apa yang akhir dikatakan oleh Baginda di antara *tasyahhud* dan salam ialah: "Ya Allah! Ya Tuhan ku! Ampunilah daku segala apa yang telah aku lakukan dan yang akan aku lakukan, apa yang aku sembunyikan dan apa yang aku nyatakan, apa yang telah aku melampaui batas dan apa yang Engkau lebih mengetahuinya daripada ku. Engkau yang awal dan Engkau yang akhir, tiada Tuhan selain Engkau".
- Riwayat Muslim

[35] عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الصَّلاَةِ قُلْنَا السَّلاَمُ عَلَى اللَّهِ مِنْ عِبَادِهِ السَّلاَمُ عَلَى فُلاَنٍ وَفُلاَنٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ تَقُولُوا السَّلاَمُ عَلَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّلاَمُ وَلَكِنْ قُولُوا التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ فَإِنَّكُمْ إِذَا قُلْتُمْ أَصَابَ كُلَّ عَبْدٍ فِي السَّمَاءِ أَوْ بَيْنَ السَّمَاءِ

[1] Sila lihat muka surat: 25. nota kaki: 1

وَالأَرْضِ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ثُمَّ يَتَخَيَّرُ مِنَ الدُّعَاءِ أَعْجَبَهُ إِلَيْهِ فَيَدْعُو.

– رواه البخاري[١]

Daripada Abdullah ﷺ telah berkata: "Kami bersama-sama Rasulullah ﷺ dalam solat lalu kami berkata dalam solat kami (*tahiyat*): Salam sejahtera ke atas Allah s.w.t daripada hamba-hambaNya. Salam sejahtera ke atas fulan dan fulan. Lalu Baginda bersabda: "Janganlah kamu ucapkan salam sejahtera ke atas Allah ﷻ, kerana Allah ﷻ Dialah yang Maha Sejahtera akan tetapi ucaplah: Salam sejahtera, berakah, selawat dan segala ke elokkan hanya kepada Allah ﷻ, salam sejahtera dan rahmat Allah dan berkatnya ke atas engkau wahai Nabi. Salam sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba Allah yang soleh. Kerana sekiranya kamu menyebutnya maka telah merangkumi semua hamba di langit atau di antara langit dan bumi. Aku bersaksi sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba serta utusanNya. Kemudian pilihlah mana-mana doa yang disukainya dan berdoalah dengannya."

- Riwayat Al-Bukhari

29. Salam (rukun)

[-] عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مِفْتَاحُ الصَّلاَةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ.

– رواه الترمذي[٢]

Daripada Ali ﷺ daripada Nabi ﷺ telah bersabda: "Pembuka kepada solat itu ialah kesucian dan yang mengharamkannya

[1] Kitab *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Jilid 2. Kitab Azan. Bab apa yang dipilih daripada doa selepas tasyahud. Muka surat 414. No. Hadis: 835.

[2] Sila lihat muka surat: 14. nota kaki: 1.

[yakni daripada melakukan perkara-perkara lain] ialah takbir dan yang merungkaikannya ialah salam"

- Riwayat At-Tirmizi

[36] عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ أَبِيهِ قَالَ كُنْتُ أَرَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ يَسَارِهِ حَتَّى أَرَى بَيَاضَ خَدِّهِ.

– رواه مسلم[١]

Daripada Amir bin Sa`d daripada ayahnya ﷺ, beliau telah berkata: "Aku telah melihat Rasulullah ﷺ memberi salam ke sebelah kanan dan sebelah kirinya sehinggakan aku dapat melihat putihnya pipi baginda."

- Riwayat Muslim

30. Tertib dalam solat (rukun)

[-] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثِ مُسِيءِ صَلاَتَهُ: إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلاَةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلاَتِكَ كُلِّهَا.

– رواه البخاري[٢]

Daripada Abu Hurairah ﷺ telah berkata Rasulullah ﷺ telah bersabda di dalam hadis orang yang tidak sempurna solatnya: "Apabila kamu bangun untuk bersolat maka bertakbirlah kemudian bacalah ayat-ayat dari Al-Quran yang kamu hafal, kemudian ruku`lah sehingga kamu tenang dalam keadaan ruku`, kemudian bangkit sehingga kamu tegak dalam keadaan berdiri,

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab salam untuk menghalalkan dari solat ketika selesai darinya dan bagaimana caranya. Muka surat 85. No. Hadis: 1315.

[2] Lihat muka surat: 18. nota kaki: 1.

kemudian sujudlah sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud, kemudian bangkitlah sehingga kamu tenang dalam keadaan duduk, kemudian sujudlah sehingga kamu tenang dalam keadaan sujud, kemudian lakukanlah yang demikian itu dalam solat mu seluruhnya."
- Riwayat Al-Bukhari

Dalil Zikir selepas solat

{9} قال الله تعالى

﴿ فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَٱبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ﴿١٠﴾ ﴾[1]

{ Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). }

{10} قال الله تعالى :

﴿ إِنَّ ٱلۡمُسۡلِمِينَ وَٱلۡمُسۡلِمَٰتِ وَٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ وَٱلۡقَٰنِتِينَ وَٱلۡقَٰنِتَٰتِ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلصَّٰدِقَٰتِ وَٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰبِرَٰتِ وَٱلۡخَٰشِعِينَ وَٱلۡخَٰشِعَٰتِ وَٱلۡمُتَصَدِّقِينَ وَٱلۡمُتَصَدِّقَٰتِ وَٱلصَّٰٓئِمِينَ وَٱلصَّٰٓئِمَٰتِ وَٱلۡحَٰفِظِينَ فُرُوجَهُمۡ وَٱلۡحَٰفِظَٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرٗا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمٗا ﴿٣٥﴾ ﴾[2]

{ Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang

[1] Surah Al-Jumu`ah. No. Surah: 62. No. Ayat: 10. Muka surat: 554.
[2] Surah Al-Ahzab. No. Surah: 33. No. Ayat: 35. Muka surat: 422.

perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar. }

{11} قال الله تعالى :

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ ذِكۡرٗا كَثِيرٗا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾ ﴾[1]

{ *Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; Dan bertasbihlah kamu kepada Nya pada waktu pagi dan petang.* }

[37] عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كُنَّا نَعْرِفُ انْقِضَاءَ صَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالتَّكْبِيرِ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Ibnu Abbas - رضي الله عنهما - berkata: "Kami dapat mengetahui selesainya solat Nabi ﷺ dengan mendengar takbir."

- Riwayat Muslim

[38] عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَنَّ رَفْعَ الصَّوْتِ بِالذِّكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَ كُنْتُ أَعْلَمُ إِذَا انْصَرَفُوا بِذَلِكَ إِذَا سَمِعْتُهُ. – رواه مسلم[3]

[1] Surah Al-Ahzab. No. Surah: 33. No. Ayat: 41-42. Muka surat: 423.

[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab zikir selepas solat. Muka surat 85. No. Hadis: 1316.

[3] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab zikir selepas solat. Muka surat 86. No. Hadis: 1318.

Daripada Ibnu Abbas - رضي الله عنهما - berkata: "Sesungguhnya meninggikan suara dengan berzikir selepas selesainya solat waktu adalah perbuatan yang dilakukan di zaman Nabi ﷺ dan sesungguhnya aku mengetahui mereka telah selesai dari solat apabila aku mendengar zikir mereka."

- Riwayat Muslim

[39] عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ صَلَاتِهِ اسْتَغْفَرَ ثَلَاثًا وَقَالَ: اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ.

– رواه مسلم[1]

Daripada Thauban ﷺ berkata: "Rasulullah ﷺ apabila selesai dari solat Baginda beristighfar sebanyak tiga kali dan menyebut: "Ya Allah! Engkaulah yang memberi kesejahteraan dan daripada Engkaulah kesejahteraan, Maha Suci Engkau yang memiliki kebesaran dan kemuliaan."

- Riwayat Muslim

[40] عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا فَرَغَ مِنَ الصَّلَاةِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Al-Mughirah bin Syu`bah ﷺ berkata: "Sesungguhnya Rasulullah ﷺ apabila selesai daripada solatnya Baginda sentiasa menyebut: "Tiada tuhan melainkan Allah yang Esa tiada bagi Nya sekutu dan bagi Nya pemerintahan dan kepujian dan Dialah yang berkuasa ke atas sekalian sesuatu. Ya Allah! Tiadalah yang dapat menghalang bagi apa yang Engkau berikan dan tiadalah pemberian bagi

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab mustahab berzikir selepas solat dan keterangan sifatnya. Muka surat 92. No. Hadis: 1333.

[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab mustahab berzikir selepas solat dan keterangan sifatnya. Muka surat 93. No. Hadis: 1337.

apa yang telah Engkau halangi dan tiadalah manfaat yang mempunyai kekayaan pada Engkau oleh kekayaannya."
- Riwayat Muslim

[41] عَنْ كَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مُعَقِّبَاتٌ لاَ يَخِيبُ قَائِلُهُنَّ أَوْ فَاعِلُهُنَّ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ مَكْتُوبَةٍ ثَلاَثٌ وَثَلاَثُونَ تَسْبِيحَةً وَثَلاَثٌ وَثَلاَثُونَ تَحْمِيدَةً وَأَرْبَعٌ وَثَلاَثُونَ تَكْبِيرَةً.

– رواه مسلم[1]

Daripada Ka`ab bin `Ujrah ؓ daripada Rasulullah ﷺ bersabda: "(Tasbih) selepas selesai solat tidak akan sia-sia orang yang menyebutnya atau orang yang melakukannya selepas selesai setiap kali solat waktu, iaitu tiga puluh tiga kali tasbih, tiga puluh tiga kali tahmid dan tiga puluh empat kali takbir."
- Riwayat Muslim

[42] عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ سَبَّحَ اللَّهَ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ وَحَمِدَ اللَّهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ وَكَبَّرَ اللَّهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ فَتْلِكَ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ غُفِرَتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ.

– رواه مسلم[2]

Daripada Abu Hurairah ؓ daripada Rasulullah ﷺ: "Barang siapa yang bertasbih kepada Allah ﷻ ketika selesai daripada setiap solat tiga puluh tiga kali dan bertahmid tiga puluh tiga kali serta bertakbir tiga puluh tiga kali dan yang demikian itu sembilan puluh sembilan kali serta ia menyempurnakan kepada seratus dengan menyebut: "Tiada tuhan melainkan Allah yang Esa tiada bagiNya sekutu dan milikNya kerajaan dan segala kepujian dan Dia amat berkuasa ke atas sekalian sesuatu"

[1] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab mustahab berzikir selepas solat dan keterangan sifatnya. Muka surat 96. No. Hadis: 1348.

[2] Kitab *Sahih Muslim Syarah An-Nawawi*. Jilid ke-3. Kitab masjid. Bab mustahab berzikir selepas solat dan keterangan sifatnya. Muka surat 97. No. Hadis: 1351.

maka diampunkan segala dosanya walau pun dosanya seperti buih di laut."
- Riwayat Muslim

[43] عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَقْرَأَ الْمُعَوِّذَاتِ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ

– رواه النسائي[1]

Daripada `Uqbah bin `Amir ؓ telah berkata: "Rasulullah ﷺ telah menyuruh aku membaca *Al-Mu`awwizat* (surah Al-Ikhlas, Al-Falaq dan An-Nas) setiap kali selesai daripada solat."
- Riwayat An-Nasa`ie

[44] عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الدُّعَاءِ أَسْمَعُ قَالَ جَوْفَ اللَّيْلِ الآخِرِ وَدُبُرَ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوبَاتِ

– رواه الترمذي[2]

Daripada Abu Umamah ؓ telah berkata: "Rasulullah ﷺ telah ditanya, Bilakah doa yang paling didengar (mustajab)? Lalu baginda bersabda: "Doa di tengah malam yang akhir dan doa setelah selesai daripada solat lima waktu"
- Riwayat At-Tirmizi

[1] Hadis sahih. Kitab *Sunan An-Nasa`ie*. Kitab As-Sahwi (sujud sahwi). Bab suruhan membaca Al-Mu`awwizat selepas solat. Muka surat: 218. No. Hadis: 1336.

[2] Hadis hasan di sisi Tirmizi dan Al-Albani. Kitab *Sunan At-Tirmizi*. Kitab doa-doa. Bab apa yang datang pada mengira tasbih dengan tangan. Muka surat: 794. No. Hadis: 3499.

Penutup

Setelah kita berjaya melahirkan Iman yang hakiki, menghadirkan hati yang ikhlas serta ikutan Sunnah yang sahih dalam kerja solat kita dengan dalil-dalil yang telah dibentangkan daripada hadis-hadis yang sahih serta hasan di dalam buku kecil ini, maka menjadi tugas penting bagi kita untuk melahirkan rasa khusyuk dalam solat, yang mana khusyuk ini adalah salah satu daripada sifat seorang mukmin yang berjaya.

قال الله تعالى :

﴿ قَدۡ أَفۡلَحَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ١ ٱلَّذِينَ هُمۡ فِي صَلَاتِهِمۡ خَٰشِعُونَ ٢ ﴾ [1]

{ *Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya;* }

Di akhir zaman ini, umat Islam secara amnya telah jauh daripada agama yang suci. Perkara ibadah, solat, puasa dan sebagainya tidak lagi menjadi perkara yang penting dalam kehidupan mereka. Realiti dalam masyarakat kita sendiri telah cukup menunjukkan kepada kebenaran terhadap kenyataan ini. Sekiranya begitulah keadaan umat ini dengan solat serta ibadah mereka, maka bagaimanakah untuk kita membincangkan perkara 'khusyuk' di dalam solat? Khusyuk seolah-olah menjadi suatu perkara khayalan yang hanya dibincangkan di dalam kitab-kitab atau dihuraikan oleh para penceramah di surau-surau dalam masa yang sama para penceramah itu sendiri tidak pernah mengalami khusyuk di dalam solat mereka sebagaimana yang mereka huraikan. Seolah-olah cerita yang sering kita dengar tentang bagaimana khusyuknya para *salafus-soleh* di kalangan Sahabat serta Tabi`in ﷺ adalah suatu cerita dongeng semata-mata. Oleh itu menjadi tugas yang besar untuk meletakkan kita sebagai seorang mukmin yang berjaya dengan merealisasikan antara sifat utama seorang mukmin; "mereka yang khusyuk dalam solatnya."

[1] Surah Al-Mukminun. No. Surah: 23. No. Ayat: 1-2. Muka surat: 342.

Manusia telah diciptakan Allah ﷻ sebagai makhluk yang sentiasa berada dalam resah gelisah sebagaimana yang disebut di dalam firmanNya;

قال الله تعالى :

﴿ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ١٩ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعٗا ٢٠ وَإِذَا مَسَّهُ ٱلۡخَيۡرُ مَنُوعًا ٢١ ﴾ [1]

{ *Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut); Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah; Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut;* }

Melainkan orang-orang yang telah Allah keluarkan mereka daripada sifat resah gelisah tersebut, dengan menyatakan sifat-sifat utama mereka;

قال الله تعالى :

﴿ إِلَّا ٱلۡمُصَلِّينَ ٢٢ ٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ دَآئِمُونَ ٢٣ وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ مَّعۡلُومٞ ٢٤ لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ٢٥ وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ٢٦ وَٱلَّذِينَ هُم مِّنۡ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشۡفِقُونَ ٢٧ إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمۡ غَيۡرُ مَأۡمُونٖ ٢٨ وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٢٩ إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ ٣٠ فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ٣١ وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ٣٢ وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَٰدَٰتِهِمۡ قَآئِمُونَ ٣٣ وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ يُحَافِظُونَ ٣٤ ﴾ [2]

[1] Surah Al-Maarij. No. Surah: 70. No. Ayat: 19-21. Muka surat: 569.
[2] Surah Al-Maarij. No. Surah: 70. No. Ayat: 22-34. Muka surat: 569.

{ *Kecuali orang-orang yang mengerjakan solat - Iaitu mereka yang tetap mengerjakan solatnya; Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum - Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta); Dan mereka yang percayakan hari pembalasan (dengan mengerjakan amal-amal yang soleh sebagai buktinya); Dan mereka yang cemas takut daripada ditimpa azab Tuhannya, - Kerana sesungguhnya azab Tuhan mereka, tidak patut (bagi seseorang pun) merasa aman terhadapnya; Dan mereka yang menjaga kehormatannya, - Kecuali kepada isterinya atau kepada hambanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela; Kemudian sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas; Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; Dan mereka yang memberikan keterangan dengan benar lagi adil (semasa mereka menjadi saksi); Dan mereka yang tetap memelihara solatnya;* }

Inilah di antara sifat-sifat mereka dan sifat orang mukmin yang benar-benar beriman dengan Allah ﷻ serta hari Akhirat. Sekiranya kita perhatikan ayat-ayat ini, Allah ﷻ telah memulakan sifat seorang mukmin itu dengan solat sebagaimana di dalam surah Al-Mukminun. Allah ﷻ juga telah mengakhiri sifat mereka dengan solat;

﴿ إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾ ﴾

{ *Kecuali orang-orang yang mengerjakan solat; Iaitu mereka yang tetap mengerjakan solatnya;* }

﴿ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾ ﴾

{ - *Dan mereka yang tetap memelihara solatnya;* }

Ini menunjukkan kepada kita betapa tingginya kedudukan solat bagi mencapai tahap mukmin yang sejati.

Apakah yang dimaksudkan dengan memelihara solat? Bagaimanakah cara untuk kita memeliharanya?

Di antara perkara yang penting perlu kita memeliharanya ialah dengan mempelajari ilmu tentangnya dengan mengetahui sumber asal setiap amalan dalam solat kita dengan memahami serta menghafaz dalil-dalil tersebut. Dalil yang telah saya bentangkan ini adalah merangkumi semua perkara asas daripada wuduk sehinggalah zikir sesudah solat. Ianya ringkas dan mudah untuk dihafaz - hanya merangkumi sebelas (11) ayat suci Al-Quran dan empat puluh empat (44) Hadis yang sahih atau hasan martabatnya.

Dan di antara perkara yang perlu dipelihara juga ialah solat pada waktunya secara berjemaah dan inilah cara yang terbaik untuk kita memelihara solat serta untuk melahirkan rasa khusyuk di dalamnya;

قال الله تعالى :

﴿ حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُواْ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾ ﴾[1]

{ *Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala solat fardu, khasnya solat Wustha (solat Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam solat kamu) dengan taat dan khusyuk.*}

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ فَضَالَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ عَلَّمَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَانَ فِيمَا عَلَّمَنِي: وَحَافِظْ عَلَى الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ قَالَ قُلْتُ إِنَّ هَذِهِ سَاعَاتٌ لِي فِيهَا أَشْغَالٌ فَمُرْنِي بِأَمْرٍ جَامِعٍ إِذَا أَنَا فَعَلْتُهُ أَجْزَأَ عَنِّي فَقَالَ: حَافِظْ عَلَى الْعَصْرَيْنِ وَمَا كَانَتْ مِنْ لُغَتِنَا فَقُلْتُ وَمَا الْعَصْرَانِ فَقَالَ: صَلَاةٌ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَصَلَاةٌ قَبْلَ غُرُوبِهَا.

– رواه أبو داود[٢]

Daripada Abdullah bin Fadhalah daripada bapanya telah berkata: "Rasulullah ﷺ telah mengajar ku (tentang Agama) dan di antara apa yang telah baginda ajarkan ialah "Peliharalah solat lima waktu (secara berjemaah)." Berkata Fadhalah, aku berkata: "Sesungguhnya pada waktu-waktu tersebut aku mempunyai kerja yang harus aku lakukan,

[1] Surah Al-Baqarah. No. Surah: 2. No. Ayat: 238. Muka surat: 39.
[2] Hadis sahih. Kitab *Sunan Abu Daud*. Kitab solat. Bab memelihara waktu solat. Muka surat: 73. No. Hadis: 428.

maka perintahlah aku dengan suatu perintah yang menyeluruh, sekiranya aku melakukannya akan diberi ganjaran. Lalu Baginda bersabda: "Peliharalah solat `Asrain (secara berjemaah)." - pada waktu itu `Asrain bukanlah suatu bahasa pertuturan kami - lalu aku bertanya: "Apakah yang dimaksudkan dengan `Asrain?" Lalu baginda menjawab: "Solat sebelum terbitnya matahari (solat Subuh) dan solat sebelum terbenamnya matahari (solat Asar)."
- Riwayat Abu Daud

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ حَافِظُوا عَلَى هَؤُلَاءِ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ حَيْثُ يُنَادَى بِهِنَّ فَإِنَّهُنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى وَإِنَّ اللَّهَ شَرَعَ لِنَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُنَنَ الْهُدَى وَلَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنْهَا إِلاَّ مُنَافِقٌ بَيِّنُ النِّفَاقِ وَلَقَدْ رَأَيْتُنَا وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُهَادَى بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ حَتَّى يُقَامَ فِي الصَّفِّ وَمَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلاَّ وَلَهُ مَسْجِدٌ فِي بَيْتِهِ وَلَوْ صَلَّيْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ وَتَرَكْتُمْ مَسَاجِدَكُمْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَوْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَكَفَرْتُمْ.

– رواه أبو داود[1]

Daripada Abdullah bin Mas`ud telah berkata: "Peliharalah solat lima waktu (secara berjemaah) tatkala seruan azan berkumandang mengajak kepadanya, kerana solat lima waktu (secara berjemaah) itu sebahagian daripada *Sunanul Huda* (jalan petunjuk) dan sesungguhnya Allah ﷻ telah mensyariatkan kepada NabiNya ﷺ *Sunanul Huda* tersebut. Sesungguhnya aku telah melihat di kalangan kami (para sahabat رضي الله عنهم), tidak seorang pun yang meninggalkan solat lima waktu secara berjemaah melainkan orang-orang munafik yang telah nyata kemunafikannya dan sesungguhnya aku telah melihat di kalangan kami (para sahabat رضي الله عنهم) berhimpit-himpit di antara mereka sehingga dapat berdiri di dalam satu saf, dan tidaklah di kalangan kamu ini seseorang itu melainkan dia mempunyai masjid (tempat khas untuk solat) di rumahnya sendiri. Sekiranya kamu sekalian solat di rumah-rumah kamu dan meninggalkan masjid-masjid kamu, maka sesungguhnya kamu telah

[1] Hadis sahih. Kitab *Sunan Abu Daud*. Kitab solat. Bab larangan secara keras meninggalkan solat jemaah. Muka surat: 92. No. Hadis: 550.

meninggalkan sunnah Nabi kamu ﷺ dan apabila kamu telah meninggalkan sunnah Nabi kamu ini, nescaya kamu telah kufur."
- Riwayat Abu Daud

Lihatlah betapa pentingnya solat berjemaah di sisi para Sahabat رضي الله عنهم yang telah dinyatakan oleh Ibnu Mas`ud رضي الله عنه tersebut. Orang-orang yang meninggalkan solat berjemaah di zaman itu ialah orang-orang yang telah jelas sifat munafiknya. Ibnu Mas`ud juga telah memberi peringatan kepada Tabi`in رحمهم الله yang telah meninggalkan solat jemaah dan hanya solat di rumah-rumah mereka dengan peringatan mereka akan menjadi kufur dengan meninggalkan sunnah Nabi ini iaitu solat berjemaah!?.

Jadi sama-samalah kita merenung kembali kepada diri, keluarga, masyarakat dan umat kita pada hari ini yang begitu mengabaikan solat, lebih-lebih lagi solat berjemaah!?

Ingatlah Allah tidak akan mensia-siakan mereka yang telah merealisasikan sifat-sifat yang telah Allah ﷻ nyatakan di dalam ayat-ayat di atas, di antaranya memelihara solat lima waktu secara berjemaah. Bagi mereka janji Allah yang tidak akan dimungkiri selama-lamanya;

قال الله تعالى :

﴿ أُوْلَٰٓئِكَ فِي جَنَّٰتٍ مُّكۡرَمُونَ ٣٥ ﴾[1]

{ *Mereka (yang demikian sifatnya) ditempatkan di dalam Syurga dengan diberikan penghormatan.* }

قال الله تعالى :

﴿ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡوَٰرِثُونَ ١٠ ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلۡفِرۡدَوۡسَ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ١١ ﴾[2]

[1] Surah Al-Maarij. No. Surah: 70. No. Ayat: 35. Muka surat: 569.
[2] Surah Al-Mukminun. No. Surah: 23. No. Ayat: 10-11. Muka surat: 342.

{ Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi - Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya. }

Untuk akhirnya segala yang baik itu datang daripada Allah ﷻ dan segala yang lemah dan kurang itu datang daripada diri saya sendiri dan syaitan yang terkutuk. Segala teguran dan tambahan yang memberi manfaat kepada ummah ini saya terima dengan hati yang terbuka kerana walau sealim mana pun seseorang itu pasti tidak akan terlepas daripada kesilapan dan kesalahan. Inikan pula saya yang masih lagi cetek ilmunya.

﴿... قَدْ جَآءَكُم مِّنَ ٱللَّهِ نُورٌ وَكِتَٰبٌ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾ يَهْدِى بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضْوَٰنَهُۥ سُبُلَ ٱلسَّلَٰمِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِهِۦ وَيَهْدِيهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾﴾ [1]

{ *Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.* }

والحمد لله رب العالمين والسلام على المرسلين ولا حول ولا قوّة إلاّ بالله العليّ العظيم
وصلى الله على محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

[1] Surah Al-Maidah. No. Surah: 5. No. Ayat: 15. Muka surat: 110.

RUJUKAN

Rujukan kitab :

- ***Al-Quranul-Karim*** cetakan Raja Fahd bin Abdul Aziz Ali Sa`ud.
- ***Tafsir Al-Quran Al-Karim*** oleh Abu Fida` Ismail bin Umar Ibnu Kasir (774H). Darul Hadis - Kaherah Mesir. Cetakan 1423H-2002.
- ***Fathul Bari Syarah Shahih Al-Bukhari*** oleh Al-Hafiz Ahmad bin Ali Ibnu Hajar Al-`Asqalani (852H). Darul Salam – Riyadh Saudi. Cetakan pertama. 1421-2000.
- ***Syarah Shahih Muslim*** oleh Imam Muhyiddin An-Nawawi (676H). Darul Makrifah - Bairut Lubnan. Cetakan ke -9. 1423H-2003.
- ***Sunan At-Tirmizi*** oleh Imam Hafiz Muhammad bin Isa At-Tirmizi (279H). Maktabah Al-Ma`arif - Riyadh Saudi. Cetakan pertama. 1417H-1997.
- ***Sunan Abi Daud*** oleh Abu Daud Sulaiman bin Al-Asy`as As-Sajsatani (275H). Maktabah Al-Ma`arif - Riyadh Saudi. Cetakan pertama. 1417H-1997.
- ***Sunan An-Nasa`ie*** oleh Abu Abdul Rahman Ahmad bin Syu`aib An-Nasa`ie (303H). Maktabah Al-Ma`arif - Riyadh Saudi. Cetakan pertama. 1417H-1997.
- ***Sunan Ibnu Majah*** oleh Abu Abdillah Muhammad bin Yazid Al-Qazwaini (273H). Maktabah Al-Ma`arif - Riyadh Saudi. Cetakan pertama. 1417H-1997.
- ***Matan Al-Ghayah wa Taqrib*** oleh kadi Abi Syuja` (593H). Darul Ibnu Hazmi - Bairut Lubnan. Cetakan ke -3. 1420H-1999.
- ***Subul Salam*** oleh Muhammad bin Ismail Al-Amir As-Sana`ani (1182H). Darul Ibnu Jauzi - Dammam Saudi. Cetakan ke -5. 1425H-2004.

- ***Durari Mudhiyyah*** oleh Muhammad bin Ali Asy-Syaukani (1250H). Maktabah Irshad - Sana`a Yaman. Cetakan ke 3. 1419H-1999.
- ***Fiqhus-Sunnah*** oleh Sayid Sabiq. Darul Ibnu Kasir - Damsyik & Bairut. Cetakan pertama. 1422H-2001.
- ***Taisir Al-`Alam*** oleh Abdullah bin Abdul Rahman Alu Bassam. Maktabah Irshad - Sana`a & Darul Ibnu Hazmi - Bairut. Cetakan pertama. 1424H-2004.
- ***Sifat Solat Nabi*** oleh Muhammad Nasiruddin Al-Albani (1420H). Maktabah Ma`arif - Riyadh Saudi. Cetakan ke -2. 1417H-1996.
- ***Kamus Marbawi*** oleh Muhammad Idris Abdul Ra`uf Al-Marbawi. Darul Nu`man - Kuala Lumpur. Cetakan ke -3. 1418H-1998.

Rujukan komputer :

- Al-Quran Mushaf Usmani
- Al-Quran
- Terjemahan Al-Quran
- Hadis Syarif 210